



PASUKAN UPM yang berjaya merangkul Johan Pertandingan Debat Diraja Antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2018 kategori Bahasa Melayu dalam pertandingan akhir yang berlangsung di Pusat Permata Pintar Negara di UKM, Bangi, Selangor baru-baru ini.

UPM johan Debat Diraja Antara IPT 2018

PASUKAN debat Universiti Putra Malaysia (UPM) dinobatkan sebagai johan Pertandingan Debat Diraja Antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2018 kategori bahasa Melayu dalam pertandingan akhir yang berlangsung di Pusat Permata Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor baru-baru ini.

Pasukan yang dibarisi empat pendebat wanita itu berjaya menewaskan pasukan tuan rumah, UKM serta membawa pulang hadiah berupa wang tunai RM3,000 bersama trofi

dan piala pusingan.

Pendebat UPM yang turut membawa pulang anugerah Pendebat Terbaik Akhir, **P. Pavithra** berkata, dia gembira kerana akhirnya berjaya beroleh kemenangan yang sangat bermakna.

"Selepas empat tahun, akhirnya kami berjaya memenangi piala yang sangat berprestij ini.

"Kami secara peribadi sangat berpuas hati dengan kejayaan ini dan berterima kasih kepada semua pihak yang banyak membantu sejak awal hingga ke akhir pertandingan ini," kata pelajar

tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua itu.

Selain Pavithra, pasukan UPM turut dianggotai Rashidah Roseli, 23; Has Umierah Ibrahim, 22; dan Nur Izzati Suardi, 22.

Sementara itu, pasukan UKM yang bergelar naib johan membariskan empat pendebat lelaki iaitu Aiman Syahmi Abdul Razak, 23; Nurhaziq Abdullah, 23; Shuhairil Ziqrul, 22; dan Fitri Nordin, 23.

Terdahulu, pasukan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) mengungguli

kategori bahasa Inggeris setelah menewaskan pasukan Universiti Malaya dalam pertandingan akhir yang berlangsung di lokasi sama.

Pertandingan akhir tersebut dirasmikan oleh Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan, Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir; Naib Canselor UKM, Prof. Tan Sri Dr. Noor Azlan Ghazali; dan Pengerusi Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (Madum), Prof. Madya Dr. Shamsul Jamili Yeob.